



Ruj Kami : JANM.BPOPA.600-3/2/1 JLD.4 ( 1 )  
Tarikh : 31 Disember 2021

**PERBELANJAAN MENGURUS**  
**WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2022**

Dimaklumkan bahawa Waran Am Bil. 1 Tahun 2022 telah diluluskan mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi Perbelanjaan Mengurus seperti berikut:

- |   |    |                 |
|---|----|-----------------|
| i) Perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan (seperti dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2022)                               | RM | 77,087,141,200  |
| ii) Perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 2022 ke atas Kumpulan Wang Disatukan (seperti dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2022) | RM | 156,404,290,800 |

2. Kementerian/ Jabatan boleh melakukan perbelanjaan masing-masing seperti anggaran yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2022 tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.


Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A (M)**  
Akauntan Negara Malaysia

Agihan kepada:

Ketua Audit Negara  
Semua Pegawai Pengawal



**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA**  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000  
Faks : 03-8882 3893  
03-8882 3894  
Laman Web: [www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)

MOF.NBO.600-9/2/2(2)  
30 Disember 2021

**YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa**  
Akauntan Negara Malaysia  
Aras 8, Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2,  
**62594 PUTRAJAYA**

YBhg. Datuk. Dr.,

**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]  
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS  
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Waran Am Bil. 1 Tahun 2022 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2022 yang berjumlah sebanyak **RM233,491,432,000** telah ditandatangani oleh YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, dikemukakan Waran Am Bil. 1 Tahun 2022 untuk tindakan pihak YBhg. Datuk. Dr. selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)**  
Pengaroh Belanjawan Negara  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.

Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara  
No. 15, Aras 4, Persiaran Perdana  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62518 PUTRAJAYA**





**MENTERI KEWANGAN MALAYSIA**  
(Minister of Finance Malaysia)

**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]  
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS  
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2022**

MOF.NBO.600-9/2/2

Akauntan Negara Malaysia,  
Putrajaya

Mengikut subseksyen 13(2) dan 13(3) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dengan ini saya memberi kuasa dan menghendaki tuan mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan tahun 2022 sebanyak yang tersebut di bawah ini dan menggunakan wang itu bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran perbelanjaan seperti yang tersebut di dalam Jadual Pertama yang disertakan bersama-sama ini, iaitu Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2022 dan memasukkan kira-kira ini ke dalam Akaun Hasil Disatukan:

- (a) Jumlah sebanyak tidak lebih daripada **tujuh puluh tujuh bilion lapan puluh tujuh juta satu ratus empat puluh satu ribu dua ratus ringgit (RM77,087,141,200)** sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan;
- (b) Jumlah sebanyak tidak lebih daripada **satu ratus lima puluh enam bilion empat ratus empat juta dua ratus sembilan puluh ribu lapan ratus ringgit (RM156,404,290,800)** sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 2022.

Dan dengan yang demikian, surat kuasa ini berserta dengan kira-kira dan pengesahan-pengesahan yang betul adalah menjadi kuasa penuh bagi tuan.

Saya turunkan tandatangan pada

30 DEC 2021

**SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRI BIN TENGKU ABDUL AZIZ**  
**MENTERI KEWANGAN**

Perbendaharaan Malaysia,  
Putrajaya